



---

## **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**14 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)**



---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**14 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)**

# KBBM: KPDN mohon peruntukan lebih tinggi

Oleh NUR NAZLINA NADZARI  
ekonomi@utusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) memohon peruntukan lebih tinggi untuk kempen Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) bagi membolehkan lebih banyak promosi dan kerjasama strategik dapat dilaksanakan.

Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaannya, Datuk Rohaizi Bahari berkata, peruntukan pada tahun ini adalah sebanyak RM10 juta dan RM3 juta diberikan kepada rakan strategik untuk tujuan mempromosi dan memperkisasakan produk-produk tempatan.

Katanya, pihaknya menerima sehingga 30 permohonan daripada syarikat peruncitan untuk menyertai kempen tersebut dan hanya 16 syarikat



ROHAIZI BAHARI (kiri) pada majlis pra-pelancaran KBBM 2023 di Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya, semalam.

peruncitan tempatan dan tiga platform atas talian yang terpilih untuk menjalankan kerjasama terbabit.

“Kami memang berharap mendapat bajet yang lebih banyak untuk kempen ini supaya

aktiviti promosi dapat diperluaskan lagi.

“Peruntukan kami agak terhad, jadi kami mengadakan kerjasama dengan 16 rakan strategik sahaja. Kami akan melihat maklumbalas dan akan

membuat penambahbaikan atau memperluaskan lagi pada 2024,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pra-pelancaran KBBM 2023 di Sri Pentas, Bandar Utama di sini, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, pelaksanaan kempen tersebut akan mengetengahkan beberapa inisiatif strategik yang mana akan membantu melonjakkan ekonomi domestik, me luaskan pasaran produk tempatan, di samping membantu penerimaan rakyat terhadap barang Malaysia.

Menurutnya, antara inisiatif yang dirancang termasuklah Pemerksaan Produk Tempatan Dalam Industri Peruncitan Tempatan dan Platform Dalam Talian, Karnival Barang Malaysia, Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia, Jualan Bertema Berdasarkan Segmen Khusus dan Kolaborasi Strategik Media Animasi Digital.

## 30 syarikat minat sertai kempen beli barang tempatan

**Petaling Jaya:** Kempen beli barang buatan Malaysia meraih sambutan menggalakkan apabila 30 syarikat lagi berminat untuk menyertainya.

Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Datuk Rohaizi Bahari berkata, setakat ini pihaknya menjalin kerjasama strategik bersama 16 syarikat peruncitan tempatan terkemuka serta tiga platform dalam talian bagi memastikan produk tempatan terus diperkasa.

"Untuk keseluruhan kempen ini, kita terima peruntukan RM10 juta dengan RM3 juta sumbangan disalurkan kepada 16 syarikat terbabit bagi menjayakan kempen ini dengan meletakkan segmen khusus barang buatan Malaysia di premis mereka.

"Setakat ini, kita juga menerima 20 hingga 30 permohonan syarikat lain yang berminat menyertai kempen ini, malah lebih

245,000 jenis produk direkodkan dalam kempen ini.

"Kita harap akan menerima peruntukan lebih besar tahun depan bagi memperluaskan promosi dan menarik penyertaan lebih ramai usahawan dan syarikat," katanya selepas merasmikan Pra-Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2023 di Sri Pentas, Bandar Utama di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya mempergiatkan lagi kempen berkenaan bagi memastikan pelanggan menikmati barang berkualiti pada harga berpatutan.

Ia juga membuka ruang kepada usahawan tempatan memperluaskan produk mereka ke pasaran luar negara.

"Kempen ini bukan hanya sekadar memupuk semangat patriotisme rakyat cintakan barang buatan Malaysia tetapi lebih utama, kita mahu pengusaha keluarkan produk berputatan setanding kualitinya," katanya.



ROHAIZI (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Pengurus Ruzima Batik, Wan Ruzima Wan Abdullah (kiri) berhubung batik asli buatan Terengganu pada Majlis Pra-Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2023 di Sri Pentas, Bandar Utama, semalam.

## Melaka tambah 500 tan metrik beras tempatan

**MELAKA** - Melaka akan mendapat kira-kira 500 tan metrik beras tempatan untuk diedarkan ke seluruh kedai runcit di negeri ini sehingga akhir bulan ini.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dr Muhamad Akmal Saleh, berkata, perkara itu diputuskan hasil daripada mesyuarat di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) dan syarikat pemborong beras negeri pada Rabu.

Menurutnya, pertambahan itu bagi menampung keperluan rakyat selepas terdapat aduan dan dakwaan berhubung kekurangan bekalan makanan ruji itu.

Katanya, sebelum ini Melaka menerima kira-kira 600 hingga 800 tan metrik beras setiap bulan.



**MUHAMAD AKMAL**

"Kita putuskan sehingga hujung bulan ini, Melaka akan dapat penambahan 500 tan metrik beras tempatan."

"Pada masa sama akan pastikan semua stok ini diedarkan kepada seluruh kedai-kedai," katanya dalam satu video yang dimuat naik menerusi Facebook rasminya selepas mesyuarat jawatankuasa khas bagi menangani isu kekurangan beras tempatan di Ayer Keroh pada Rabu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau berharap pengguna dapat menyalurkan aduan dan maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya masih tidak mendapat bekalan tempatan di kawasan mereka hingga akhir bulan ini.

"Kita akan pastikan kita tentang habis-habisan sehingga isu beras ini selesai," katanya.

## Jelajah Rahmah Mega bantu penduduk berjimat

**MELAKA** - Jelajah Rahmah Mega yang akan dianjurkan di negeri ini menjadi medium untuk orang ramai mendapatkan barang keperluan asas dengan harga berpatutan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka, Norena Jaafar, berkata, program yang akan diadakan di Dataran Sejarah Ayer Keroh 30 September ini menghimpun-

kan 30 usahawan dan peniaga tempatan.

Menurutnya, ini merupakan peluang kepada pengguna mendapatkan bekalan seperti telur, tepung, minyak masak peket dan beras dengan potongan harga sehingga 35 peratus.

"Sekurang-kurangnya penganjuran ini mudahkan pengguna mendapatkan barang asas lebih-lebih bekalan beras," katanya ketika dihubungi di sini, pada Rabu.

Kegiatan seludup itu didalangi wanita warga emas di bengkel lori

Oleh ADILA SHARINNI WAHID  
**KOTA BHARU**

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Kelantan membongkar kegiatan licik seorang wanita warga emas mengisi semula minyak masak bersubsidi ke dalam tong-tong berpelekatan bahan kimia di Cherang Tuli, Padang Pak Amat, Pasir Puteh pada Selasa.

Suspek yang berusia 65 tahun itu ditahan dalam Ops Mencegah Ketirisan Barang Kawalan di sebuah bengkel lori pada jam 2 petang.

Dalam serbuan berkenaan, sebanyak 2,308 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi dirampas selain 240kg gula turut ditemukan.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, kegiatan itu diketahui susulan kejadian kenderaan penyeludup yang dipandu seorang lelaki berusia 29 tahun terbalik bersama 1,348 peket minyak masak di Pasir Mas pada Isnin.

Katanya, hasil siasatan mendapati suspek lelaki tersebut

menunjukkan lokasi dia mengambil bekalan minyak masak itu iaitu di bengkel lori terbabit di Pasir Puteh.

"Sejurus mendapat maklumat, pasukan menjalankan serbuan untuk pemeriksaan.

"Ketika diserbu, suspek sedang leka membuka peket-peket minyak masak sekilogram dan menuang minyak itu ke dalam tong berwarna kelabu berkapasiti 25 liter atau seberat 30kg sebelum dipasarkan ke industri atau diisyaki untuk dijual di negara jiran.

"Tong-tong yang digunakan itu pula didapati mempunyai pelekatan kimia iaitu *glacial acetic acid* yang bertujuan untuk mengaburi pihak berkuasa," katanya ketika sidang akhbar di stor KPDN di Padang Tembak, Pengkalan Chepa, di sini pada Rabu.

Tambahnya, berdasarkan keterangan awal, suspek wanita terbabit mengaku aktif menjalankan kegiatan tersebut sejak tiga bulan lalu.

Ujarnya, suspek tersebut ditahan untuk tindakan lanjut.

## Isi minyak masak bersubsidi dalam tong kimia



Azman (tiga dari kiri) menunjukkan peralatan yang digunakan suspek dalam kegiatan penyeludupan minyak masak bersubsidi di Pasir Puteh.

Katanya, suspek lelaki terdahulu yang ditangkap dalam kejadian kenderaan terbalik itu pula dipercayai ahli sindiket yang sama dan saling berkaitan.

"Kesemua minyak masak dan gula tersebut dirampas dan di-

angarkan berjumlah RM46,454.

"Turut ditemukan, pelbagai peralatan yang digunakan suspek iaitu corong plastik, gunting dan alat penimbang," ulasnya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan

1961 dan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi pertuduhan di mahkamah.

"Sabit kesalahan boleh denda RM1 juta atau tiga tahun penjara atau kedua-dua sekali bagi individu," jelasnya.



---

---

## **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**14 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 SEPTEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Sep	KBBM 2023 lonjak ekonomi domestik, luas pasaran produk tempatan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/278751/berita/nasional/kbbm-2023-lonjak-ekonomi-domestik-luas-pasaran-produk-tempatan">https://www.sinarharian.com.my/article/278751/berita/nasional/kbbm-2023-lonjak-ekonomi-domestik-luas-pasaran-produk-tempatan</a>	SH
14-Sep	KPDN jalin kerjasama dengan 16 syarikat tempatan bagi Kempen Beli Barang Malaysia 2023	<a href="https://utusantv.com/2023/09/13/kpdn-jalin-kerjasama-dengan-16-syarikat-tempatan-bagi-kempen-beli-barangan-malaysia-2023/">https://utusantv.com/2023/09/13/kpdn-jalin-kerjasama-dengan-16-syarikat-tempatan-bagi-kempen-beli-barangan-malaysia-2023/</a>	UMTV
14-Sep	Melaka hanya terima satu aduan beras tempatan kurang – Exco	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/09/13/melaka-hanya-terima-satu-aduan-beras-tempatan-kurang-exco/">https://malaysiagazette.com/2023/09/13/melaka-hanya-terima-satu-aduan-beras-tempatan-kurang-exco/</a>	MALAYSIAGAZETTE
14-Sep	Peniaga kecil mengeluh harga barang naik mendadak	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1152303/peniaga-kecil-mengeluh-harga-barang-naik-mendadak">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1152303/peniaga-kecil-mengeluh-harga-barang-naik-mendadak</a>	BH
14-Sep	Taktik jual diesel subsidi cara runcit tumpas	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2023/09/taktik-jual-diesel-subsidi-cara-runcit-tumpas/">https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2023/09/taktik-jual-diesel-subsidi-cara-runcit-tumpas/</a>	UM
14-Sep	KPDN cooperates with 16 retailers for buy Malaysian product campaign	<a href="https://www.thesundaily.my/local/kpdn-cooperates-with-16-retailers-for-buy-malaysian-products-campaign-KM11489535">https://www.thesundaily.my/local/kpdn-cooperates-with-16-retailers-for-buy-malaysian-products-campaign-KM11489535</a>	THESUNDAILY
14-Sep	KPDN jalin kerjasama dengan 16 syarikat tempatan bagi Kempen Beli Barang Malaysia	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2225485">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2225485</a>	BERNAMA
14-Sep	KPDN cooperates with 16 retailers for buy Malaysian product campaign	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2225501">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2225501</a>	BERNAMA
14-Sep	30 syarikat sertai Kempen Beli Barang Buatan Malaysia	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009424/30-syarikat-sertai-kempen-beli-barangan-buatan-malaysia">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009424/30-syarikat-sertai-kempen-beli-barangan-buatan-malaysia</a>	HM

14-Sep	30 syarikat sertai Kempen Beli Barang Buatan Malaysia	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009424/30-syarikat-sertai-kempen-beli-barangan-buatan-malaysia">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009424/30-syarikat-sertai-kempen-beli-barangan-buatan-malaysia</a>	HM
14-Sep	KBBM: KPDN kerjasama dengan 16 syarikat peruncitan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/278890">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/278890</a>	SH
14-Sep	<b>Special select committee recommends increase in 2024 allocation for Rahmah sales</b>	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/955033/special-select-committee-recommends-increase-2024-allocation-rahmah-sales">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/955033/special-select-committee-recommends-increase-2024-allocation-rahmah-sales</a>	NST
14-Sep	Parliament committee calls for more funds for Rahmah sales in 2024	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/09/13/parliament-committee-calls-for-more-funds-for-rahmah-sales-in-2024/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/09/13/parliament-committee-calls-for-more-funds-for-rahmah-sales-in-2024/</a>	FMT
14-Sep	Jawatankuasa pilihan khas parlimen syor tingkat peruntukan Jualan Rahmah	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2225498">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2225498</a>	BERNAMA
14-Sep	Increase 2024 allocation for Rahmah sales, says committee	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/462014">https://www.themalaysianinsight.com/s/462014</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
14-Sep	Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen syor tingkat peruntukan Jualan Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/278884">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/278884</a>	SH
14-Sep	KPDN gagalkan aktiviti seleweng diesel di Port Dickson, Seremban	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-gagalkan-aktiviti-seleweng-diesel-di-port-dickson-seremban-437209%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-gagalkan-aktiviti-seleweng-diesel-di-port-dickson-seremban-437209%3famp=1</a>	ASTROAWANI
14-Sep	KPDN gagalkan aktiviti seleweng diesel di Port Dickson, Seremban	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2225344">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2225344</a>	BERNAMA
14-Sep	47,600 liter minyak diesel berjaya diselamatkan dalam Op Tiris	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/47600-liter-minyak-diesel-berjaya-diselamatkan-dalam-op-tiris/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/47600-liter-minyak-diesel-berjaya-diselamatkan-dalam-op-tiris/</a>	UM

14-Sep	47,600 liter minyak diesel disita dalam Ops Tiris	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/13/47600-liter-minyak-diesel-berjaya-diselamat-dalam-ops-tiris/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/13/47600-liter-minyak-diesel-berjaya-diselamat-dalam-ops-tiris/</a>	KOSMO
14-Sep	KPDN patah cubaan seludup diesel	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009471/kpdn-patah-cubaan-seludup-diesel">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009471/kpdn-patah-cubaan-seludup-diesel</a>	HM
14-Sep	KPDN Kelantan serbu stor bungkus semula minyak masak peket	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/kpdn-kelantan-serbu-stor-bungkus-semula-minyak-masak-peket/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/kpdn-kelantan-serbu-stor-bungkus-semula-minyak-masak-peket/</a>	UM
14-Sep	Armizan: Domestic Trade Ministry raids Seri Kembangan store selling rice at misleading price	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/09/13/armizan-domestic-trade-ministry-raids-seri-kembangan-store-selling-rice-at-misleading-price/90711">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/09/13/armizan-domestic-trade-ministry-raids-seri-kembangan-store-selling-rice-at-misleading-price/90711</a>	MALAYMAIL
14-Sep	Seri Kembangan store selling rice at misleading price raided	<a href="https://www.thesundaily.my/local/seri-kembangan-store-selling-rice-at-misleading-price-raided-OM11488996">https://www.thesundaily.my/local/seri-kembangan-store-selling-rice-at-misleading-price-raided-OM11488996</a>	THESUNDAILY
14-Sep	Padah jual beras pada harga mengelirukan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009490/padah-jual-beras-pada-harga-mengelirukan">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009490/padah-jual-beras-pada-harga-mengelirukan</a>	HM
14-Sep	Melaka tambah 500 tan metrik beras tempatan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/278802">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/278802</a>	SH+A1:D10